



GAYA HIDUP

ARKIB : 11/09/1999

Tiba giliran Ab. Rahim mentadbir IAB

Dr. Ab. Rahim Selamat pernah dikenali dengan sifatnya yang ramah tamah pada 1985 semasa menjawat jawatan Ketua Jabatan Teknologi Latihan, dan 1992 hingga 1994 sebagai Timbalan Pengarah IAB.

Kini, beliau kembali semula ke IAB sebagai seorang pengarah untuk mengendalikan IAB yang dikenali sebagai takungan minda di kalangan warga pendidikan itu.

Strategi beliau sekarang bukanlah sekadar meliputi peringkat functional sahaja, tetapi meliputi tugas-tugas korporat yang merangka visi dan mission statement yang selari dengan dasar pendidikan, yang mempunyai pelanggan serta end user yang begitu ramai.

Graduan yang pernah mempunyai latar belakang pendidikan di bidang Sains Perpustakaan itu pastilah mempunyai satu piawaian yang tinggi dalam segala bentuk penerbitan, mutu penulisan, ketepatan dan yang berkait dengannya seperti soal-soal rekod dan penyelidikan.

Kita meramalkan, IAB akan menjadi pusat rujukan serantau yang relevan dengan matlamat asal penubuhannya sebagai sebuah pusat latihan dan pusat rujukan untuk para pentadbir di institusi pendidikan.

Mengukir imej IAB sebagai satu wadah ilmu atau pusat intelektual telah dilakukan oleh pengarah sebelum ini, Datuk Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid yang memang terkenal dengan keradikalannya bila menyatakan sesuatu tentang ilmu.

Ibrahim disegani kerana buah fikirannya yang ada kalanya menjangkau masa, tetapi kadangkala disimpan sahaja dalam hati kerana kesetiaannya kepada dasar-dasar kerajaan.

Sementara Rahim, dilihat sebagai seorang yang low-profile, lebih banyak bekerja dari bercakap dan mahu melihat orang-orang bawahannya bekerja keras.

Memang sewajarnya kakitangan IAB mempertingkatkan mutu kerja dan pengetahuan masing-masing, dan yang lebih penting, tidak terkongkong dalam ruang lingkup mereka sendiri.

IAB bersinonim dengan pusat pengurusan maklumat.

Dalam era teknologi maklumat, satu cara pengurusan maklumat yang profesional memang diperlukan supaya maklumat tidak berbaur antara satu sama lain.

Dalam era limpahan maklumat sekarang, manusia seringkali dilimpahi dengan data-data, tetapi belum pasti ia akan membentuk individu bermaklumat.

Dengan sekian banyak seminar, persidangan, bengkel, kertas kerja, akses Internet, dan sebagainya, maka IAB adalah sebuah pusat latihan pengurusan yang terunggul di negara ini. Bagaimana semua maklumat ini dapat digunakan, banyak bergantung kepada inisiatif dan kerterbukaan kakitangan IAB.

Sesuai dengan imejnya, IAB tidak sepatutnya sekadar menjadi penganjur, tetapi sepatutnya menjadi satu lagi 'lembah silikon' yang menjadikan segala pembangunan dan perancangan berlaku secara strategik.

IAB seharusnya diberi sedikit kuasa lagi dalam penggubalan dasar-dasar pentadbiran dalam institusi pendidikan.

IAB sepatutnya menjadi lebih radikal, lebih 'bersuara' dan tidak semata-mata mengikut satu garisan lurus yang ditetapkan kalau dirasakan ia tidak selari dengan aspirasi IAB sebagai sebuah institusi.

Pemikiran kakitangannya harus dibiarkan bebas lepas, dan penilaian pada hujung tahun bukanlah terpaksa menjawab soalan-soalan tertentu, tetapi penilaian berdasarkan 360 darjah oleh semua pihak.

Semua pemimpin mempunyai mission statement peribadi masing-masing, yang mahu meninggalkan kelainan dalam ingatan setiap kakitangannya.

Semoga pengarah baru IAB kali ini lebih praktikal dalam melaksanakan tugas-tugasnya kerana beliau akan membawa IAB ke alaf baru yang lebih mencabar.

Oleh: WAHID HASHIM

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1999&dt=0911&pub=utusan_malaysia&sec=Gaya_Hidup&pg=ls_03.htm#ixzz2vj7QnOJK

© Utusan Melayu (M) Bhd